

Penulisan Karangan Bebas (Bahagian A)

Nama: _____

Tarikh : _____

	Sukses Kriteria Pembelajaran Karangan	Semak (/)
1	Soalan karangan dijawab dengan tepat	
2	Format karangan tepat	
3	Struktur karangan lengkap	
4	5-6 Idea bernas, kukuh dan kreatif	
5	Struktur ayat gramatis	
6	Penanda wacana tepat	
7	Kosa kata luas, tepat dan tinggi	
8	Minima peribahasa 3 ke atas dengan tepat	

Tajuk karangan:

Pada era globalisasi ini, **hubungan kekeluargaan semakin renggang**. Bincangkan **punca-punca & langkah-langkah** untuk mengatasi masalah tersebut.

(1) PENDAHULUAN (TPPK)

1. **T** : Terangkan **Tema** karangan - introduce the main topic)
2. **P** : **Pengetahuan umum** - (5W1H : general knowledge about the topic)
3. **P** : **Pengetahuan umum** - (5W1H : general knowledge about the topic)
4. **K** : **Kehendak soalan** - (write the key question)

LATIHAN 1: Isikan tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

keharmonian	hubungan	mengeratkan	suasana
Justeru	kasih	punca	renggang

Pada era globalisasi ini, (1)_____ sesebuah keluarga itu adalah signifikan dan sangat dihargai. **Hal ini kerana** keluarga yang penuh dengan (2)_____ sayang dan harmoni akan menimbulkan (3)_____ yang ceria dan bahagia. **Namun begitu,**

- (4)_____ kekeluargaan pada masa ini semakin jauh dan
 (5)_____. **Oleh itu,** terdapat beberapa
 (6)_____ yang menyebabkan masalah ini berlaku.
 (7)_____, beberapa langkah yang efektif perlu diambil untuk
 (8)_____ semula hubungan antara ahli keluarga.

(2) ISI [AMBC(H)K]

A : Apa idea utama - (main idea from the key question)

M : Mengapa - (explanation of why)

B : Bagaimana - (explain of how)

C : Contoh + huraian - (examples with explanation)

A : Akibat / Kesan (the effect / recap the key question)

Teknik Mencari Idea Utama bagi Isi-isi Karangan

Kata kunci positif langkah kebaikan kepentingan	Teknik 5P / DiKeMaSeN (Diri sendiri, Keluarga, Masyarakat, Sekolah & Negara) punca / langkah	8 Tema kesan ; kebaikan / keburukan	Kata kunci negatif punca keburukan
Meningkatkan	Peranan pihak kerajaan dalam menguatkuasakan undang-undang.	• Sosiobudaya (gaya hidup, sosial, budaya & tradisi) • Pendidikan • Keagamaan • Teknologi • Kesihatan / Keselamatan • Alam sekitar / Persekitaran • Kewangan / Ekonomi • Kenegaraan	Mengurangkan
Menjana			Merosakkan
Memperbaiki	Peranan masyarakat menjadi mata dan telinga atau memantau terhadap isu sekeliling.		Menjejaskan
Membantu			Mundur
Memajukan			Membantutkan
Memperkuh	Peranan institusi pendidikan / sekolah dalam mendidik para pelajar.		Meruntuhkan
Menguatkuasa	Peranan pihak keluarga terutama ibu bapa dalam membimbing atau memantau tingkah laku anak-anak.		Mengabaikan
Membimbing			Mempengaruhi
Mendidik			Membiarkan
Memantau			Mensia-siakan
Mengadakan	Peranan diri sendiri yang harus bertanggungjawab atau berdisiplin.		Menidakkan
Mendukung			Membantah

LATIHAN 2: Isikan tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

ISI 1: Punca

Idea utama: Ibu bapa kurang mementingkan nilai kasih sayang.

ibu bapa	sebagai contoh	peranan	kerja	keluarga
tidak erat	aktiviti	nilai	minggu	punca utama

Salah satu (1)_____ hubungan kekeluargaan semakin renggang disebabkan (2)_____ ibu bapa yang kurang mementingkan (3)_____ kasih sayang. Hal ini terjadi kerana ada sesetengah (4)_____ yang terlalu sibuk dengan urusan (5)_____ mereka sehingga tidak ada masa bersama anak-anak mereka. Oleh sebab itu, sebilangan anak-anak sudah terbiasa melakukan (6)_____ bersendirian ataupun bersama kawan-kawan daripada (7)_____ sendiri. (8)_____, ibu bapa yang sibuk bekerja hingga hujung (9)_____ akan menyebabkan anak-anak mereka terbiar dengan orang lain selain keluarga sendiri. Sebagai akibatnya, ibu bapa yang terlalu sibuk dengan kerja mereka akan menyebabkan hubungan keluarga menjadi (10)_____ terutama dengan anak-anak mereka.

ISI 2: Punca

Idea utama: peranan diri sendiri yang menyalahgunakan teknologi.

penduduk	menghiraukan	akrab	berpunca	berkomunikasi
berlebihan	menyalahgunakan	masa	bimbit	teknologi

Seterusnya, punca hubungan kekeluargaan semakin renggang ialah peranan diri sendiri yang (1)_____ teknologi. Hal ini (2)_____ daripada pengaruh *zaman atom*, iaitu zaman yang menggunakan (3)_____ canggih dalam urusan harian. Lantaran itu, kini terdapat sebilangan besar daripada (4)_____ di negara kita telah menjadi pengguna teknologi yang tegar dengan tidak ada had (5)_____ dan tempat

sehingga tidak (6)_____ ahli keluarga mereka. Hal ini terbukti apabila kebanyakan individu, termasuk diri kita sendiri, lebih gemar menggunakan telefon (7)_____ untuk melayari media sosial ketika waktu makan daripada (8)_____ dengan ahli keluarga yang lain. Implikasinya, penggunaan teknologi yang (9)_____ akan menyebabkan hubungan kekeluargaan itu tidak akan (10)_____.

ISI 3: Punca

Idea utama: peranan pihak sekolah yang kurang menekankan aspek pendidikan agama dan penerapan nilai-nilai murni dalam pembentukan peribadi pelajar.

pendidikan	tanggungjawab	kekeluargaan	faham	sebaya
terpengaruh	sekolah	membantah	membimbing	murni

Selain itu, punca hubungan (1)_____ semakin renggang juga disebabkan peranan pihak (2)_____ yang kurang menekankan aspek pendidikan agama dan penerapan nilai-nilai (3)_____ dalam pembentukan peribadi pelajar. Hal ini dikatakan demikian kerana (4)_____ agama berperanan sebagai pedoman yang (5)_____ pelajar supaya memahami (6)_____ mereka terhadap ibu bapa dan ahli keluarga. Oleh itu, tanpa didikan agama dan penghayatan nilai-nilai murni yang mencukupi, pelajar akan mudah (7)_____ dengan unsur-unsur negatif daripada persekitaran terutama pengaruh rakan (8)_____ sehingga mereka mengabaikan adab dan nilai hormat-menghormati dalam keluarga. Contohnya, ada segelintir pelajar yang gemar (9)_____, bersikap kasar dan kurang menghormati ibu bapa mereka kerana terikut-ikut tingkah laku negatif rakan mereka. Natiujahnya, perselisihan (10)_____ semakin kerap berlaku sehingga menjejaskan keharmonian sesebuah keluarga.

LATIHAN 3: Isikan tempat kosong dengan penanda wacana yang sesuai.

Isi 4: Langkah

Idea utama: Ibu bapa perlu memberikan kasih sayang yang secukupnya dalam sesebuah keluarga.

- ☐ Justifikasinya
- ☐ Umpamanya
- ☐ Walau bagaimanapun
- ☐ Kesannya,
- ☐ Lantaran itu,

(1)_____, terdapat langkah-langkah untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan terutama melalui peranan ibu bapa.

(2)_____ ialah ibu bapa perlu memberikan kasih sayang yang secukupnya dalam sesebuah keluarga bak kata peribahasa *bagai menatang minyak yang penuh* demi mengeratkan hubungan kekeluargaan.

(3)_____, ibu bapa perlu meluangkan masa bersama ahli keluarga agar anak-anak mengetahui akan kepentingan hubungan kekeluargaan dalam hidup mereka. (4)_____, ibu bapa boleh membuat

aktiviti-aktiviti yang menyeronokkan bersama anak-anak seperti bersiar-siar dan sebagainya terutama pada hujung minggu. (5)_____, hubungan kekeluargaan akan lebih erat kerana anak-anak akan lebih menyayangi dan menghargai hubungan sesama sendiri.

LATIHAN 4: Susun ayat-ayat di bawah ini mengikut susunan AMBCK. Kemudian, salin semula ayat-ayat tersebut supaya menjadi perenggan yang lengkap.

Isi 5: Langkah

Idea utama: peranan diri sendiri dalam menghadkan masa penggunaan teknologi.

- ☐ **Sebagai contoh,** penggunaan teknologi perlu dihadkan dan tidak menggunakannya semasa makan bersama ahli keluarga supaya masing-masing dapat berkomunikasi dengan baik.
- ☐ **Jika dilihat dari sudut yang berbeza,** langkah yang perlu dibuat untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan adalah melalui peranan diri sendiri dalam menghadkan masa penggunaan teknologi.

-
- This image shows a single sheet of white paper with horizontal ruling lines. The lines are evenly spaced and run across the width of the page. There are no margins, text, or other markings on the paper.

(3) PENUTUP KARANGAN (RCAH)

R : Rumusan - (summarise the MAIN IDEAS in the content)

C : Cadangan - (Main solution / suggestion)

A : Amaran - (warning / negative impact)

H : Harapan - (Hope / positive impact)

LATIHAN 6: Isikan tempat kosong dengan perkataan yang sesuai.

teknologi	memupuk	institusi	agama	kekurangan
rapuh	memimpin	menyebabkan	komited	keharmonian

Kesimpulannya, terdapat beberapa punca yang (1)_____ hubungan kekeluargaan semakin renggang antaranya ialah (2)_____ kasih sayang daripada ibu bapa, penyalahgunaan (3)_____ serta kemerosotan didikan (4)_____ dan nilai-nilai murni. **Bagi menangani isu ini, semua pihak perlu bekerjasama** ibarat **bersatu kita teguh, bercerai kita roboh** untuk (5)_____ kefahaman tentang kepentingan (6)_____ dalam sesebuah keluarga. **Jika masalah ini diabaikan**, keharmonian sesebuah keluarga akan (7)r_____ lalu memusnahkan kesejahteraan (8)_____ kekeluargaan secara keseluruhannya. **Oleh hal yang demikian**, masyarakat kini hendaklah (9)_____ dalam mendidik dan membimbing ahli keluarga terutama generasi muda agar ikatan kasih sayang sentiasa terjalin erat memandangkan belia hari ni merupakan **pemuda harapan bangsa, pemudi tiang negara** yang bakal (10)_____ negara pada masa hadapan.